

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 22 SEPTEMBER 2013 (AHAD)**

| Bil | Tajuk                         | Akhbar        |
|-----|-------------------------------|---------------|
| 1.  | Lembah Silikon menunggu Najib | berita Harian |
| 2.  | Hectic schedule for PM        | Sunday Star   |
| 3.  | 1.7 juta tunggu tweet Najib   | Berita Harian |
| 4.  | Bakal angkasawan kedua negara | Metro Ahad    |

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 28**  
**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2013 (AHAD)**

# Lembah Silikon menunggu Najib

**D**i San Francisco, Amerika Syarikat, Selasa ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan mempengerusikan mesyuarat ketiga Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) yang dihadiri tokoh terkemuka dalam bidang sains dan teknologi.

Penubuhan GSIAC dengan 55 anggota termasuk beberapa menteri berkaitan, pemimpin korporat dan tokoh akademi itu, diilhamkan Najib di New York sewaktu melawat Amerika Syarikat tiga tahun lalu.

Daripada 55 anggota majlis penasihat itu, 36 adalah tokoh ternama dari seluruh dunia. Antara mereka ialah Pengurus yang juga Lembaga Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Universiti Wageningen, Dr A A (Aalt) Dijkhuzen; Pengurus dan Presiden serta Ketua Pegawai Operasi Procter and Gamble, Alan G Lafley; Presiden Universiti Lehigh, Dr Alice Gast dan ramai tokoh berpengaruh lain.

### **Ke arah negara berpendapatan tinggi**

Penubuhan GSIAC penting ke arah menjadikan Malaysia yang kini negara berpendapatan sederhana kepada negara berpendapatan tinggi. Selepas tiga tahun berlalu, banyak kemajuan dicapai dan pada mesyuarat kali ini Najib akan membuat penilaian keberkesanan majlis penasihat itu.

Beliau berpandukan kepada matlamat penubuhan sewaktu melancarkan majlis penasihat itu di New York pada 17 Mei 2011 yang mana Najib menegaskan hasrat menjadikan Malaysia maju dalam mendang sains dan teknologi menerusi pelbagai inovasi

Matlamat GSIAC ialah:

- Memberi nasihat strategik berhubung aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020 melalui sains dan inovasi,
- Menjadi penanda aras dari segi penarafan dan persaingan dalam bidang sains dan inovasi berbanding kemajuan negara maju lain di samping meningkatkan kemampuan Malaysia dalam bidang sains dan inovasi,
- Nilai tambah kepada pencapaian matlamat program transformasi ekonomi negara,
- Menggiatkan pembinaan kapasiti melalui kolaborasi industri-akademia dengan pakar-pakar dunia mewakili organisasi terkemuka dunia, dan
- Menjana serta meningkatkan hubungan dagang dan nilai pelaburan jangka pendek, sederhana dan panjang.

Sewaktu mesyuarat pelancarannya, tiga program impak tinggi diterima iaitu inisiatif biomas Malaysia, bandar raya dan kampung bestari serta pembinaan kapasiti manusia.

Disebabkan Najib sendiri memberi penekanan serius kepada usaha ini, GSIAC berusaha memas-

tikan ia benar-benar berjaya, bukan sekadar untuk tujuan akademik.

Sewaktu di San Francisco kali ini, Najib yang bakal tiba bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, malam Isnin ini, akan juga menghadiri satu forum peringkat tertinggi mengenai masa depan teknologi dan tenaga hijau, inisiatif Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KETTHA) dan Industri Malaysia-Kumpulan Kerajaan untuk Teknologi Tinggi (MIG-HT).

Najib juga akan memberi syarahan umum anjuran Kelab Komanwel California yang akan disiarkan oleh lebih 240 stesen radio di seluruh Amerika Syarikat. Antara tokoh yang pernah memberi syarahan umum anjuran kelab eksklusif yang diasaskan pada 1903 itu ialah Bill Clinton, Ronald Reagan, Martin Luther King Jr dan Bill Gates.

Najib juga bakal menghadiri mesyuarat Panel Penasihat (IAP) mengenai biotek, inisiatif Perbadanan Bioteknologi Malaysia (MBC). Malaysia adalah sebuah negara yang komited melaksanakan industri bioteknologi menerusi pelbagai inisiatif yang dilaksanakan kerajaan dan swasta.

Di San Francisco juga, Najib sebagai salah seorang yang mendokong media baru akan melawat pejabat Twitter dan Google.

Najib adalah antara pemimpin dunia yang diberi peluang melawat pejabat gergasi media baru di Lembah Silikon itu kerana dianggap sebagai seorang daripada pemimpin yang aktif dalam menggunakan teknologi media baru itu.

### **Najib lawat Twitter, Google**

Pengurusan Twitter dan Google mahu Najib mengalami dan melihat sendiri ekosistem dunia baru media yang sedang berlaku di Lembah Silikon yang menjadi tempat tumpuan korporat dan syarikat modal teroka.

Jarang pemimpin asing diberi kesempatan melawat dua syarikat gergasi media baru itu kerana ia penuh dengan 'rahsia.' Di situ juga adalah tempat pengumpulan data terbesar mengenai pengguna media baru. Ia turut menjadi tempat yang memungkinkan perubahan trend masa depan dunia termasuk dalam bidang pendidikan.

Sebaliknya, Najib akan diberi layanan istimewa malah dibenar membawa bersama beberapa tokoh korporat untuk bertukar maklumat dan mengadakan kolaborasi dengan rakan sejawat mereka masing-masing.

Di Google, ada lapan pekerja rakyat Malaysia. Sewaktu melawat syarikat media baru itu mungkin ada kejutan yang akan dilakukan.

Najib kemudian terbang ke New York mulai 25 September ini.

# Hectic schedule for PM

## Najib to tweet from Twitter Inc, Silicon Valley

By MERGAWATI ZULFAKAR  
merga@thestar.com.my

**SAN FRANCISCO:** The more than 1.7 million Twitter followers of the Prime Minister will get tweets from him from the headquarters of the online social networking and micro-blogging service here on Tuesday (Monday morning, California time).

Datuk Seri Najib Tun Razak is making his first visit to the Silicon Valley here, home to many of the world's major technology corporations as well as thousands of small startups.

Officials said the company officials had expressed surprise that Najib is active in twittering, being one of only a few leaders active in it.

"Foreign CEOs are impressed with his knowledge of technology and future trends and noted that the Prime Minister is a sharp man."

"This visit is to give him 'the Silicon

Valley experience' rather than just conducting meetings.

"It is also an effort to give a further boost to Malaysia's digital transformation programme," said an official.

Najib has a hectic schedule here before he leaves for New York on Sept 25 for a five-day visit.

On Tuesday (Wednesday in Malaysia), Najib will visit the Google headquarters where he will get a first hand look at the workings of the eminent search engine and hold discussions on Google's future trends.

He will be taken around in the company's driverless car, one of the few leaders to get the experience at Google's office.

Eight Malaysians working with Google will also get a chance to meet the Prime Minister.

Najib will also chair the third Global Science and Innovation Advisory Council (GSIAC) meeting

and officiate at the the High-Level Forum on Green Future and Green Energy, which will gather international and national experts on science and innovation.

Najib will deliver a public lecture at a dinner hosted by the Commonwealth Club of California, the oldest and largest public affairs forum in the United States that has played host to many prominent leaders.

Najib is also scheduled to open a Khazanah Nasional regional office, after the ones in Beijing and Mumbai, to oversee its investments in the United States.

In New York, the Prime Minister will address the United Nations General Assembly and also seek support for Malaysia's candidature as a non-permanent member of the UN Security Council for the 2015-2016 term.

# 1.7 juta tunggu tweet Najib

» PM lawat ibu pejabat Twitter sebelum ke PBB

■ San Francisco

**L**ebih 1.7 juta pengikut Twitter Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, @NajibRazak akan merasai pengalaman membaca tweet beliau yang dihantar sendiri dari Ibu pejabat Twitter di San Francisco, California, esok.

Sebagai seorang yang gemar menghantar tweet dengan 4,999 tweet dan 1,745,037 pengikut setakat ini, Najib dikenali dalam kalangan pemimpin dunia antara yang paling aktif menghantar tweet.

#### Pengetahuan IT dikagumi

"CEO asing kagum dengan pengetahuannya mengenai IT, malah beliau lebih tahu banyak perkara mengenai aspek teknikal berbanding sesetengah daripada kami."

"Beliau menarik perhatian CEO dan tokoh usahawan dengan pengetahuannya dalam cara yang mengagumkan," kata seorang pegawai Malaysia yang mengulas lawatan kerja Perdana Menteri ke San Francisco dan New York mulai hari

ini hingga 29 September.

Menurut kenyataan Wisma Putra, Najib dijadual melakukan lawatan kerja ke San Francisco untuk mesyuarat tahunan Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Global (GSIAC) hingga 24 September. Selepas itu beliau mengetuai delegasi Malaysia pada Sesi Ke-68 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York.

Menurut pegawai itu, Perdana Menteri akan bertemu pegawai kanan Twitter dan melawat ibu pejabatnya sebelum ke Hotel Fairmont San Francisco untuk menyaksikan pertukaran dokumen kerjasama syarikat Malaysia dan Amerika Syarikat (AS).

Najib akan mempengerusikan mesyuarat ketiga GSIAC dan merasmikan forum pe-

ringkat tinggi mengenai Masa Depan Hijau dan Tenaga Hijau yang akan disertai anggota majlis antarabangsa dan kebangsaan yang terdiri daripada pakar global mengenai sains serta inovasi.

GSIAC diusahakan Perdana Menteri pada 2010 sebagai sebahagian usaha transformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi melalui usaha memajukan keupayaan Malaysia dalam sains dan inovasi.

#### Beri ucapan

Najib juga akan menghadiri mesyuarat Panel Penasihat BIO-Antarabangsa (BIO-IAP) Ketujuh dan melawat Silicon Valley, termasuk mengunjungi ibu pejabat Twitter dan Google.

Beliau akan melawat Google pada Selasa dan berjumpa pegawai atasannya serta lapan warga Malaysia yang bekerja dengan Google.

Ditanya kepentingan lawatan pertama Najib ke Lembah Silikon, pegawai berkenaan memaklumkan Najib akan menimba pengalaman ekosistem di Lembah Silikon yang akan membantu kerajaan dalam pelaksanaan program transformasi.

Ketika di New York, Perdana Menteri dijangka berucap pada Mesyuarat Peringkat Tertinggi Perhimpunan Agung

"PM dijangka berucap pada Mesyuarat Peringkat Tertinggi Perhimpunan Agung PBB mengenai Perlucutan Senjata Nuklear dan Kenyataan Negara Malaysia dalam Debat Umum"

PBB mengenai Perlucutan Senjata Nuklear dan Kenyataan Negara Malaysia dalam Debat Umum pada 28 September.

Najib juga dijadual menyampaikan ucaptama pada Majlis Masyarakat Asia, berjumpa tokoh industri utama negara ASEAN dan Amerika Syarikat pada majlis makan tengah hari bersama Majlis Perniagaan AS-ASEAN serta Dewan Perniagaan AS selain menjadi tuan rumah jamuan makan malam bersama rakyat Malaysia di New York pada 28 September.

BERNAMA

*"Selaras mesyuarat tahunan GSIAC, Najib mengetuai delegasi Malaysia pada Sesi Ke-68 Perhimpunan Agung PBB di New York"*

**KERATAN AKHBAR**  
**METRO AHAD : MUKA SURAT 24**  
**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2013 (AHAD)**

LIMA peserta yang berjaya ke peringkat akhir bergambar bersama sebelum berangkat ke kem AASA di Florida.



**Bakal angkasawan kedua negara**

**KUALA LUMPUR:** Pemenang program Akademi Angkasa AXE Apollo (AASA) bakal bergelar angkasawan kedua negara jika terpilih bersama 22 peserta terbaik dari 60 negara.

Pengarah Pembangunan Jenama Unilever (M) Holdings Sdn Bhd Ashlee Ng berkata, keputusan yang bakal diumumkan pada 24 September ini melayakkan pemenang mewakili Malaysia menyertai cabaran merentas peluang ke angkasa lepas melalui agensi angkasa antarabangsa Space Expedition Corporation (SXC).

"Sejak program ini dilancarkan pada 1 Mac lalu, kami menerima kira-kira 1,500 penyertaan dari seluruh negara. Hanya 15 terpilih dan mereka dikehendaki menjalani ujian fizikal dan mental berkongseikan angkasa lepas, sebelum ke peringkat akhir.

"Mereka ialah Mohammad Adam Tun Tuah, 21, Mohd Firdaus Mohd Khalid, 33 Muhammad Farhan Rahmat, 18, Vun Choon Wei, 21, dan satu-satu peserta wanita, Roshini Muniam, 27.

"Sistem undian di FB ditutup pada 17 September lalu. Dijangka pemenang akan terbang ke kem AASA Florida, Amerika Syarikat selewat-lewatnya Disember ini." katanya menerusi satu kenyataan akhbar.

Menurut Ashley, kempena ini memberi peluang kepada rakyat Malaysia menonjolkan keyakinan mereka untuk mencapai impian merasai pengalaman berada di angkasa lepas.